

30/10/2002

Syarat bagi bukan Melayu layak ke MRSM

KUALA LUMPUR, Selasa - Kuota 10 peratus pelajar bukan Bumiputera bagi kemasukan ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) tahun depan hanya terbuka kepada pelajar dari sekolah kebangsaan.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamad Nazri Aziz, berkata syarat kemasukan itu dibuat bagi menarik lebih ramai kaum bukan Melayu menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan.

Katanya, ketika ini ramai ibu bapa bukan Melayu khususnya kaum Cina tidak mahu menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan dengan memberi pelbagai alasan antaranya kekurangan kemudahan dan guru bahasa.

"Hasrat kerajaan ialah untuk melahirkan bangsa Malaysia. Tetapi tindakan ibu bapa berkenaan boleh menyebabkan pengasingan kaum dan sekolah kebangsaan pula akan dilabel sebagai sekolah untuk orang Melayu saja.

"Kerana itu, kerajaan membuat tawaran ini hanya kepada pelajar bukan Melayu dari sekolah kebangsaan sebagai tarikan kepada ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan," katanya ketika menggulung perbahasan Bajet 2003 peringkat jawatankuasa kementeriannya di Dewan Rakyat, di sini hari ini.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kuota 10 peratus untuk kemasukan program matrikulasi dan MRSM bagi mendedahkan kepada pelajar Bumiputera kehidupan sebenar masyarakat Malaysia pelbagai kaum.

Kuota itu juga bagi mendedahkan pelajar Bumiputera kepada persaingan dan penyertaan bukan Bumiputera dipercayai mampu membantu mempercepatkan integrasi nasional.

Menjawab soalan Mohamad Sabu (Pas-Kuala Kedah), Mohamed Nazri berkata, permit teksi kepada syarikat monopoli di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) tidak akan ditarik balik atau diberikan kepada syarikat lain sehingga syarikat monopoli itu melangsaikan hutangnya yang berjumlah RM50 juta.

Beliau berkata, sistem monopoli oleh satu syarikat itu diluluskan Menteri Kewangan yang juga Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Kita tiada pilihan kerana syarikat monopoli itu diberikan pinjaman mudah sebanyak RM50 juta yang habis digunakan.

"Permit mereka tidak akan ditarik sehingga mereka selesai membayar hutang berkenaan," katanya.